

## Nasional

# 438 daftar pengambilan kedua UMP

28 program ditawarkan melalui empat kolej

**Kuantan:** Seramai 438 pelajar baharu semester II Sesi Akademik 2019/2020 mendaftar bagi mengikuti pengajian program Sarjana Muda di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pendaftaran kemasukan pelajar berlangsung serentak di kedua-dua kampus, iaitu di Kolej Kediaman 2 dan 3, Kampus Gambang dan Pusat Aktiviti Pelajar. UMP Pekan bermula jam 8.30 pagi, Jumaat lalu.

Kemasukan Februari itu adalah ambilan kedua oleh UMP selepas ambilan melalui Unit Pusat Universiti (UPU) yang dijalankan pada September.

Sebanyak 28 program ditawarkan melalui empat kolej iaitu Kolej Kejuruteraan, Kolej Teknologi Kejuruteraan, Kolej Komputeran dan Sains Gunaa serta Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan.

Pengambilan pelajar terdiri daripada dua kategori kemasukan, iaitu *direct entry* bagi pelajar lepasan diploma UMP yang me-

nyambung pengajian peringkat Sarjana Muda di UMP dan kemasukan khas buat pelajar lepasan diploma setaraf dari institusi luar UMP melalui saluran khas kemasukan.

Daripada 438 pelajar itu, seramai 201 terdiri daripada pelajar kemasukan khas.

Pasangan kembar, Che Zikri Hanif Che Mohamad Halim dan Che Zakir Hakim, berkata mereka memilih UMP kerana suasana pembelajaran di UMP yang kondusif dan lengkap dengan fasiliti teknologi.

Menurut mereka, antara daya tarikan untuk menyambung pengajian di UMP adalah kerana graduan UMP yang kompeten dan menjadi pilihan utama industri.

Kedua-duanya yang memilih Program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) berharap menjadi seorang jurutera yang berjaya suatu hari nanti.

Bagi Mohamad Farrouq Rifqi Md Yazid beliau tidak perlu menunggu lama untuk menyambung pengajian selepas tamat diploma dari Politeknik pada Disember lalu.

Ibunya, Aesah Abdullah dari Jerantut, Pahang juga menyatakan beliau gembira anaknya ditawarkan program pengajian bersesuaian dengan kelulusan, selain men-



*Sebahagian pelajar baharu semester II Sesi Akademik 2019/2020 mendaftar bagi mengikuti pengajian program Sarjana Muda di Universiti Malaysia Pahang, Jumaat lalu.*

doakan anaknya dapat menamatkan pengajian dengan jayanya.

Sementara itu, Pengurus Besar UMP Advanced, Rosilavi Mat Jusoh menyatakan kemasukan khas adalah kemasukan terus ke program Sarjana Muda UMP yang ditawarkan sejak 2018.

Kemasukan secara terus itu adalah melalui UMP Advanced. Pelajar juga akan mendapat nilai tambah melalui program tambahan disediakan kepada pelajar.

Program berkenaan adalah program pengukuhan dilaksanakan untuk memberi pengukuhan asas kepada pelajar dalam tempoh tahun pertama pengajian.

Sijil Kompetensi pula adalah program secara Degree++ yang memberi nilai tambah kepada pelajar bagi melahirkan graduan kompeten dan mendapat permintaan tinggi industri pekerjaan.

Program itu juga melahirkan individu dan profesional yang

kompeten dan memenuhi permintaan pasaran pekerjaan, selain membantu pelajar tahu akhir memenuhi kriteria industri sebenarnya memasuki pasaran kerja tempatan.

Bagi yang berminat untuk menyambung pengajian di UMP boleh hubungi Pusat Pemasaran dan Kemasukan Akademik UMP (PPKA) di 09-424 5268 atau UMP Advanced di 09-5493177 / 3172 atau 012-6523001.